

Rancang Pembangunan Bandar Dengan Bijak Untuk Keperluan Masa Depan - Dr Mahathir Bernama
07 November, 2012

KUALA LUMPUR, 7 Nov (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berkata pelan pembangunan bandar perlu dirancang secara bijak dengan mengambil kira pertumbuhan pelbagai faktor dan keperluan pada masa depan.

Beliau berkata ia termasuk memenuhi permintaan daripada pelbagai latar belakang masyarakat, trend semasa dan kadar pertumbuhan penduduk.

"Kita bukan rancang hari ini atau 10 tahun akan datang, tetapi bertahun-tahun, kalau kita buat demikian maka masalah kesesakan dapat dielakkan," katanya semasa berucap selepas dianugerahkan sebagai Penaung Pertubuhan Perancang Malaysia di sini, Rabu.

Anugerah pelantikan bagi mengiktiraf jasa beliau dalam membangunkan negara disampaikan oleh Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Chor Chee Heung.

Dr Mahathir berkata pada masa sekarang terdapat pelbagai jenis permintaan yang perlu dipenuhi dalam perancangan sesebuah bandar, tidak seperti masa dahulu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=707793>